

31 DEC 1998

ASN-EKUITI/I

ASN LABUR RM750 JUTA DALAM EKUITI PADA '98

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dalam ekuiti adalah RM750 juta daripada jumlah dananya sebanyak RM1.7 bilion yang terkumpul tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Bhd (PNB) Hamad Kama Piah Che Othman, malam ini.

ASN ditutup pada 75 sen seunit hari ini dan jumlah unit ASN telah meningkat kepada 2.363 bilion dengan 1.287 juta pemegang unit tahun ini, katanya selepas pengumuman dividen 6.5 peratus bagi ASN tahun ini.

Pengumuman itu dibuat di sini oleh Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, syarikat induk kepada PNB.

Kadar dividen tahun ini adalah yang kedua terendah selepas pembayaran dividen 6.25 peratus pada 1991.

Pada 1998, harga purata unit ASN adalah 70 sen dengan pulangan 9.28 peratus. Ia mencecah harga tertinggi 84 sen dengan pulangan 7.7 peratus pada Februari, manakala harga terendahnya adalah 45 sen dengan pulangan 14.44 peratus pada September, sebaik sahaja kawalan modal dikenakan.

Sarji berkata ASN menyaksikan peningkatan jumlah pemegang unit walaupun kelembapan ekonomi kerana mereka tertarik dengan pencapaian dana-dana lain yang diuruskan oleh PNB seperti Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Wawasan 2020.

Beliau berkata PNB, pengurus skim itu, akan terus berhemat semasa melabur.

-- BERNAMA

SHO JR